

03/03/2003

Kemajuan Langkawi bukti kejayaan BN

LANGKAWI: Cadangan Perdana Menteri supaya kerajaan Kedah memindahkan pusat pentadbirannya ke Langkawi membuktikan kejayaan Barisan Nasional (BN) memerintah sehingga menjadikan pulau legenda itu paling maju di negeri ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, berkata beliau menghormati pandangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu yang telah berusaha keras menjadikan Langkawi terkenal di seluruh dunia.

Bagaimanapun beliau berkata, syor yang dibuat Perdana Menteri itu hanyalah bertujuan memaklumkan kepada rakyat Kedah bahawa Langkawi mendapat kemajuan dalam tempoh 10 tahun ini disebabkan kejayaan kerajaan BN memerintah negara ini.

"Apa yang dikatakan Perdana Menteri kerana beliau mendapati Langkawi lebih maju dan mempunyai pelbagai kemudahan seperti lapangan terbang antarabangsa dan pelabuhan.

"Selepas 10 tahun, Langkawi mengalami pembangunan yang pesat berbanding di tempat lain di negeri ini. Kerana itulah, beliau nasihat rakyat Langkawi supaya jangan menjual tanah dan cekap menguruskan kewangan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Karnival Beli-Belah bulan Mac peringkat Kebangsaan di Pekan Kuah, malam semalam.

Hadir sama, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir dan lebih 100 wartawan dan krew televisyen luar negara yang dijemput khas bagi membuat liputan acara perasmian itu.